

TAHAP PENGUASAAN MEMBACA DAN MENULIS MURID B40 DARI PERSPEKTIF GURU BAHASA MELAYU

(The Level of Reading and Writing Proficiency among B40 Students from Malay Language Teachers' Perspective)

ROHAIDA MAZLAN

SMK. Sungai Ramal
Kementerian Pendidikan Malaysia
rohaidahconvent2013@gmail.com

NORZIAH AMIN

Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat
Kementerian Pendidikan Malaysia
cahayazie1965@gmail.com

MOHD ZAKI ABD. RAHMAN

Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat
Kementerian Pendidikan Malaysia
zakippdhl@gmail.com

ZAMRI MAHAMOD

Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
d-zam@ukm.edu.my

Dihantar pada:

01 Oktober 2020

Diterima pada:

15 Disember 2020

Koresponden:

d-zam@ukm.edu.my

Abstrak: Kajian kualitatif ini bertujuan untuk meneroka tahap penguasaan kemahiran membaca dan menulis dalam kalangan murid daripada keluarga B40 dari perspektif guru Bahasa Melayu. Seramai empat (4) orang guru Bahasa Melayu yang mengajar murid-murid B40 ini juga ditemu bual. Seramai dua orang guru Bahasa Melayu mengajar di SMKA dan dua orang guru Bahasa Melayu lagi mengajar di SMKB. Peserta kajian guru Bahasa Melayu terdiri daripada tiga orang guru perempuan dan satu orang guru lelaki. Kesemua guru Bahasa Melayu ialah guru berpengalaman mengajar di antara 11 hingga 25 tahun. Temu bual berstruktur digunakan sebagai instrumen kajian. Data temu bual dianalisis secara naratif di mana tema yang ditemui adalah berdasarkan soalan temu bual. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa kesemua murid B40 kaum Cina, India dan Melayu ini mempunyai tahap penguasaan membaca dan menulis sangat terhad dan terhad. Murid B40 Cina paling lemah kemahiran membaca dan menulis. Bagi guru Bahasa Melayu, murid B40 Cina paling lemah dan kurang lancar membaca dan menulis, diikuti murid B40 India dan murid B40 Melayu. Guru Bahasa Melayu menyatakan faktor sikap merupakan faktor utama murid-murid B40 tidak tahu membaca, terutamanya murid B40 Cina. Kesimpulannya, faktor sikap murid dan sokongan ibu bapa B40 dapat membantu murid-murid B40 untuk menguasai kemahiran membaca dan menulis dengan baik.

Kata kunci: Penguasaan membaca, penguasaan menulis, murid B40, guru Bahasa Melayu, sekolah menengah

Abstract: This qualitative study aims to explore the level of mastery of reading and writing skills among students B40 family from Malay Language teachers perspective. Total of four Malay Language teachers teach students B40 is also interviewed. A total of two Malay Language teach in SMKA and two Malay Language teachers teach at SMKB. The participants Malay Language teachers consists of 3 females and 1 male teachers. All Malay Language teachers are experienced teachers teach between 11 to 25 year experience. Structured interviews were used as research instruments. Interview data were analyzed narratively where the themes found were based on interview questions. The results showed that all B40 Chinese, Indians and Malays students have a level of reading and writing is very limited and restricted. Chinese B40 students have the weakest reading and writing skills. For Malay Language teachers, the four teachers reported the Chinese B40 students have the weakest reading and writing, and followed by India B40 and Malay B40 students. The Malay Language teacher states attitudinal factors are the main factors B40 students cannot read, especially Chinese B40 students. In conclusion, attitude factors and parent supportive were identified as contributing factors to the failure of B40 students to master reading and writing skills well.

Keywords: Reading mastery, writing mastery, B40 students, Malay Language teachers, secondary school

PENGENALAN

Masalah membaca dan menulis merupakan satu masalah sehingga kini masih tidak dapat diselesaikan. Sehingga kini, masih terdapat murid sekolah rendah dan menengah yang tidak boleh membaca dan menulis. Saban tahun, di sekolah menengah kebangsaan (SMK), banyak kelas pemulihan diwujudkan bagi menampung murid-murid yang masih lagi tidak tahu atau kurang lancar dan fasih membaca dan menulis. Ketidakbolehan atau ketidakfasihan membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu ini masih lagi wujud dalam sistem pendidikan negara, walaupun bilangan mereka yang buta huruf semakin berkurangan.

Kegagalan murid menguasai kemahiran membaca dan menulis dengan lancar perlu ditangani dengan segera. Masalah menguasai kemahiran membaca dan menulis ini banyak mempengaruhi pencapaian murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Kajian yang dijalankan oleh Chew Fong Peng (2016) misalnya menyatakan bahawa etnik Cina lemah dalam kemahiran membaca dan menulis. Demikian juga kajian yang dijalankan oleh Mohd Fuad (2018) yang mendapati murid India mengalami kesukaran dan kekeliruan mempelajari Bahasa Melayu sehingga mereka sukar untuk menguasai Bahasa Melayu dengan baik.

Adakah kegagalan dan kelemahan murid Melayu dan bukan Melayu, khususnya murid Cina dan India dipengaruhi oleh faktor latar belakang keluarga murid berkenaan? Adakah faktor ibu bapa berpendapat rendah mempengaruhi keupayaan dan kebolehan membaca dan menulis murid? Adakah latar belakang murid yang datang daripada keluarga B40 menyebabkan mereka tidak boleh atau kurang lancar membaca dan menulis?

Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap penguasaan membaca dan menulis murid daripada keluarga B40 yang tidak tahu atau kurang lancar kemahiran membaca dan menulis dari perspektif guru Bahasa Melayu. Guru Bahasa Melayu tersebut ialah guru-guru yang mengajar murid-murid B40 tersebut.

PENYATAAN MASALAH

Isu tentang keluarga berpendapatan bawah RM3,860.00 merupakan isu yang menjadi fokus

kerajaan masa kini. Hampir 40% penduduk Malaysia terdiri daripada golongan isi rumah yang mempunyai pendapatan bulanan di bawah pendapatan garis kemiskinan (Jabatan Perangkaan Malaysia 2017). Oleh kerana kumpulan/keluarga B40 ini rata-rata adalah keluarga berpendapatan rendah dan miskin, maka faktor kemiskinan ini turut memberi kesan negatif kepada isi keluarga B40 tersebut, terutamanya kepada anak-anak mereka dalam aspek tempat tinggal, makan minum, pakaian dan sebagainya, termasuklah dari aspek pendidikan. Keluarga/ibu bapa B40 ini kebanyakannya mereka tidak ada pendidikan/kurang pendidikan/berpendidikan sehingga sekolah menengah sahaja. Kehidupan sehari-hari mereka sibuk mencari rezeki sehingga sesetengah daripada mereka mengabaikan kebaikan anak-anak dari segi pendidikan. Mereka/keluarga B40 ini banyak menyerahkan anak-anak mereka kepada pihak sekolah dan guru untuk mendidik anak-anak mereka. Kajian yang dijalankan oleh Mohd Nazri (2014) dan Nor Hamizah (2016) mendapati faktor sosioekonomi kumpulan/keluarga B40 yang rendah menyebabkan kumpulan/keluarga B40 ini tidak dapat menyediakan kemudahan-kemudahan asas untuk anak-anak mereka seperti insuran hayat/pendidikan, pendidikan yang berkualiti dan sebagainya. Hal ini secara tidak langsung memberi kesan langsung kepada anak-anak dalam pembelajaran seperti lemah dalam pelajaran, masih lemah/gagal untuk membaca dan menulis dengan baik.

Masalah ekonomi antara dikenal pasti kumpulan/keluarga B40 tidak dapat menyediakan pendidikan yang baik untuk anak-anak mereka seperti tuisyen dan pembelian bahan-bahan bantu pelajaran. Semua pendapatan ibu bapa lebih kepada untuk menyara isi keluarga dan pembayaran pelbagai bil demi kelangsungan kehidupan. Akibatnya, ibu bapa B40 tidak memberi perhatian kepada anak-anak mereka, termasuk dalam soal pendidikan. Ibu bapa B40 lebih mengutamakan aspek ekonomi berbanding faktor pendidikan anak-anak mereka. Kajian oleh Zarina et al. (2018) mendapati kebanyakannya ibu bapa daripada keluarga B40 lebih mengutamakan aspek ekonomi berbanding aspek-aspek seperti pendidikan dan kebaikan anak-anak mereka. Akibatnya, anak-anak mereka terabai di rumah. Ibu bapa tidak mengambil berat sama ada anak-anak mereka sudah boleh membaca atau menulis

ataupun tidak. Kajian yang dijalankan oleh Celinea dan Zamri (2018) dalam kalangan murid etnik Bidayuh, mendapati hampir 75% murid Bidayuh ini masih kurang memuaskan tahap kemahiran membaca mereka. Oleh kerana kebanyakan murid Bidayuh ini berasal daripada keluarga B40, maka dapat dikatakan bahawa masalah membaca merupakan satu masalah utama dalam kalangan murid daripada keluarga B40. Tamam et al. (2011), Abdul Rasid (2011), dan Celinea (2018) berpendapat bahawa kebanyakan murid yang mengalami masalah pembacaan dan terjejas pencapaian akademik mereka berasal daripada keluarga berpendapatan rendah yang tidak ada kesedaran akan kepentingan membaca.

Demikian juga dalam aspek kemahiran menulis. Murid-murid daripada keluarga B40 juga rata-rata menghadapi masalah dalam kemahiran menulis. Kajian yang dijalankan oleh Abdul Rasid dan Zulkafli (2008), Abdul Rasid et al. (2012), Abdul Rasid (2012), Yahya dan Dk. Suzanawaty (2014) menunjukkan murid-murid sekolah rendah masih mengalami masalah dalam menguasai kemahiran menulis yang baik. Kebanyakan murid yang dikaji ialah murid luar bandar dan daripada keluarga berpendapatan rendah dan sederhana. Oleh kerana pencapaian kemahiran menulis yang kurang memuaskan dan tahap sederhana, maka ia secara langsung mempengaruhi pencapaian murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Menurut Abdul Rasid (2011), masalah menulis yang dihadapi oleh murid luar bandar ini banyak mempengaruhi pencapaian murid dalam kemahiran menulis Bahasa Melayu.

Selain itu, kajian kemahiran membaca dan menulis murid-murid daripada kumpulan/keluarga B40 secara khusus tidak pernah dikaji dalam konteks pendidikan Bahasa Melayu. Kebanyakan kajian tahap penguasaan kemahiran membaca dan menulis serta masalah yang dihadapi oleh murid lebih bersifat umum. Walaupun responden kajian merujuk kepada murid sekolah rendah, murid luar bandar, tetapi latar belakang murid seperti daripada keluarga B40 atau sebagainya tidak pernah dikaji. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji bagaimana murid-murid daripada keluarga B40 di daerah Hulu Langat tentang tahap penguasaan kemahiran membaca dan menulis mereka serta masalah-masalah yang dihadapi oleh murid-murid keluarga B40 tersebut daripada perspektif murid, guru dan ibu bapa.

OBJEKTIF KAJIAN

Penguasaan kemahiran membaca dan menulis merupakan antara elemen penting dalam KSSM Bahasa Melayu. Matlamat KSSM Bahasa Melayu adalah untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan boleh berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran, maklumat, nilai dan idea serta hubungan sosial dalam kehidupan sehari-hari. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk: Meneroka masalah kemahiran membaca dan menulis murid-murid keluarga B40 dari perspektif guru Bahasa Melayu.

MURID KELUARGA B40

Sistem pendidikan sekolah di Malaysia kian bertambah maju. Pelbagai transformasi pendidikan diperkenalkan dan dilaksanakan oleh KPM dalam memastikan setiap rakyat Malaysia mendapat pendidikan yang berkualiti. Pengenalan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM 2013) jelas membuktikan komitmen dan kesungguhan KPM dalam meningkatkan kualiti pendidikan dalam semua aspek pendidikan. Dalam memastikan semua pelan dan anjakan yang dirancang dalam PPPM 2013-2025 tersebut dilaksanakan dengan efektif, maka aspek akses, kualiti, ekuiti, dan kecekapan pendidikan dijadikan yang sebahagian dasar dalam menjayakan PPPM 2013-2025 ini.

Akses pendidikan antara lain merujuk kepada kesamarataan akses pendidikan yang perlu dicapai oleh semua rakyat Malaysia, termasuk murid-murid daripada keluarga B40. Menurut Zamri dan Anita (2020), kesamarataan akses pendidikan dapat memastikan PPPM 2013-2025 yang dibina dapat dicapai sepenuhnya pada tahun 2025. Dalam konteks kajian ini, kesamarataan akses pendidikan perlu dicapai dan dialami oleh murid-murid keluarga B40. Mereka berhak mendapat pendidikan berkualiti walaupun adalah sebahagian daripada mereka tidak boleh membaca dan menulis.

Demikian juga dengan ekuiti dan kualiti pendidikan. Persoalannya ialah adakah murid-murid dari keluarga B40 ini berjaya mendapat akses, kualiti dan ekuiti pendidikan? Menurut Mohd Nazri (2014), kebanyakan murid yang bersekolah rendah mahupun menengah tergolong

dalam kumpulan B40. Ibu bapa boleh dikategorikan sebagai kumpulan berpendapatan rendah dan miskin. Kebanyakan mereka tinggal di luar bandar. Mereka tidak mendapat pendidikan berkualiti dan tidak ada usaha untuk memastikan murid B40 ini tidak ketinggalan dalam akademik. Terdapat banyak punca yang menyebabkan murid-murid B40 terus terbelakang dalam akademik. Yang paling utama ialah faktor kewangan ibu bapa menyebabkan ibu bapa B40 tidak dapat menyediakan kemudahan pendidikan untuk anak-anak mereka seperti bahan pembelajaran, kelas tuisyen, dan lain-lain.

Kajian yang dijalankan oleh KPM (2016b) terhadap pendidikan murid kumpulan B40 mendapati hampir dua pertiga murid B40 berpencapaian rendah akademik mereka. Pencapaian yang rendah murid-murid B40 termasuk dalam mata pelajaran Bahasa Melayu banyak mempengaruhi pencapaian, sikap, motivasi dan tingkah laku murid-murid keluarga B40. Menurut Usang (2012), murid-murid berpencapaian rendah sering kali merujuk kepada murid yang tidak berusaha untuk meningkatkan pencapaian akademik, tidak menumpukan perhatian di dalam kelas, tidak menunjukkan minat terhadap proses pembelajaran, lupa atau tidak berusaha untuk menyiapkan kerja rumah, tidak mendengar kata guru, berselisihan faham dengan guru dan tidak terlibat secara total dalam proses pembelajaran di dalam bilik darjah. Mereka juga tidak mempunyai budaya belajar dan kebanyakan mereka tinggal di luar bandar dan datang daripada keluarga berpendapatan rendah (B40).

Kajian yang dijalankan oleh KPM (2011) juga mendapati pihak pentadbir dan guru sekolah adalah faktor utama yang mempengaruhi pencapaian murid, termasuk dalam kalangan murid B40. Kajian Mohamad Johdi et al (2012) mendapati guru adalah faktor utama mempengaruhi pencapaian akademik murid dalam Penilaian Menengah Rendah. Kajian yang dijalankan di Sabah tersebut juga mendapati status sosioekonomi ibu bapa, taraf pendidikan ibu bapa dan rakan turut menyumbang kepada pencapaian akademik murid. Hal ini bermakna jika pentadbir sekolah dan guru dapat meningkatkan kualiti pendidikan, kemudahan pembelajaran dan akses pendidikan pendidikan secara tidak langsung akan meningkatkan pencapaian murid. Dengan kata lain, kualiti pendidikan di sekolah boleh

mempengaruhi pencapaian akademik murid, termasuk dalam kalangan murid B40.

Kesimpulannya, murid-murid keluarga B40 memerlukan sokongan banyak pihak untuk berjaya dalam pelajaran. Tanpa mengira batas kaum, jantina dan kenegerian, masalah pendidikan dan pencapaian rendah akademik murid-murid B40 perlu ditangani dan diatasi segera. Murid-murid B40 memerlukan sokongan guru kelas, guru mata pelajaran, ibu bapa dan rakan sebaya untuk berjaya dalam pelajaran. Kualiti, ekuiti, akses dan kecekapan pendidikan di sekolah perlu ditingkatkan agar semua murid termasuk murid berpencapaian rendah dan murid B40 dapat mencapai dan memperolehnya dengan baik, sama seperti yang diperoleh oleh murid kumpulan M40 dan pendapatan tinggi serta murid yang berpencapaian tinggi.

METODOLOGI

Reka bentuk kajian ini ialah kajian kes, iaitu kajian satu kes pelbagai tempat (*single case multiple site*) (Yin 1994; Creswell 2008). Kajian ssatu kes merujuk kepada kes murid tidak tahu atau kurang lancar membaca dan menulis Bahasa Melayu oleh murid-murid daripada keluarga B40. Murid-murid ini ialah murid-murid tingkatan 1 yang dikenal pasti di dua buah sekolah menengah kebangsaan (SMK) di dalam daerah Hulu Langat. Kajian pelbagai tempat merujuk lokasi sekolah yang menjadi tempat pengumpulan data kajian. Justeru, penyelidik telah mengenal pasti dua buah SMK yang ramai murid daripada keluarga B40 yang tidak tahu membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu. Dua buah sekolah ini dikenal pasti dengan bantuan SISC+ dari Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat (PPD Hulu Langat), Kajang, Selangor.

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes yang dijalankan dengan menggunakan pendekatan secara kualitatif. Kajian kes dilakukan di pelbagai tempat (dua lokasi SMK) bagi mengetahui punca dan masalah yang menyebabkan murid-murid daripada keluarga B40 ini tidak boleh membaca dan menulis (Yin 2012; Merriam 2001). Dalam kajian ini, kes yang dikaji ialah masalah membaca dan menulis Bahasa Melayu. Pelbagai tempat pula merujuk kepada dua buah SMK di daerah Hulu Langat yang dikenal pasti ramai murid pelbagai kaum daripada

keluarga B40 yang tidak tahu membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu.

Peserta kajian dalam kajian kes ialah guru Bahasa Melayu yang mengajar murid-murid B40 yang tidak tahu dan kurang lancar membaca dan menulis. Seramai 4 orang guru Bahasa Melayu yang mengajar tingkatan 1 dan mengajar murid-murid yang menghadapi masalah membaca dan menulis menjadi peserta kajian (PK) ini. PK dari SMKA adalah seramai 2 orang di mana kedua-dua orang ialah guru perempuan. PK dari SMKB adalah seramai 2 orang, iaitu 1 orang guru lelaki dan 1 orang guru perempuan. Kesemua guru Bahasa Melayu ialah guru berpengalaman mengajar di antara 11 hingga 25 tahun.

JADUAL 1. Jumlah guru Bahasa Melayu yang mengajar murid-murid B40 yang tidak tahu membaca dan menulis Bahasa Melayu

Kategori Sekolah	Jantina Guru		Jumlah Guru
	Lelaki	Perempuan	
SMKA	-	2	2
SMKB	1	1	2
Jumlah	1	3	4

Kajian kes satu kes pelbagai tempat ini menggunakan data temu bual. Temu bual berstruktur ini digunakan untuk menemu bual guru-guru Bahasa Melayu yang mengajar murid-murid keluarga B40 tersebut. Penganalisisan data merupakan proses untuk mengemas, menstrukturkan dan memberi makna kepada data yang dikumpul (Creswell 2003). Oleh itu, data yang diperoleh dapat diselenggarakan bagi tujuan untuk disimpan, digunakan atau pun diketepikan jika tidak memenuhi kehendak soalan. Proses penganalisisan data berlaku secara berterusan bagi setiap teknik pengumpulan data yang digunakan. Penganalisisan data secara berterusan ini bertujuan melancarkan dan memudahkan proses pengumpulan data. Keadaan data yang diurus secara tersusun membantu proses penganalisisan keseluruhan data.

Tatacara penganalisisan data melibatkan beberapa peringkat. Marshall dan Rossman (2006) menjelaskan peringkat tersebut terdiri daripada menguruskan data, membentuk kategori, tema dan bentuk, mengekod data, mengesahkan dan seterusnya menulis laporan. Ary et al. (2006) pula mencadangkan beberapa langkah iaitu

menganalisis kebiasaan data dengan membaca berulang kali, menghimpunkan data, mengenal pasti kategori dan pembentukan tema, melaksanakan proses pengekodan, penyemakan semula kod, kategori, tema atau sub tema, pengesahan data secara semakan rakan, membuat ringkasan berbentuk pohon tema, mentafsir data dan menulis laporan. Dalam kajian ini, tatacara penganalisisan data dilakukan secara manual.

DAPATAN KAJIAN

Demografi Guru Bahasa Melayu

Dalam kajian ini, seramai empat orang guru Bahasa Melayu yang mengajar murid-murid keluarga B40 yang tidak tahu atau kurang lancar membaca dan menulis telah dipilih sebagai peserta kajian. Seramai 2 orang guru Bahasa Melayu dari SMKA (sekolah kategori bandar). Guru tersebut ialah Pn. Kamaliza (bukan nama penuh) dan diberi kod: PK01 dan cikgu Pn. Noraini (bukan nama penuh) dan diberi kod: PK02. Seramai 2 orang guru Bahasa Melayu di SMKB (kategori sekolah luar bandar) telah dipilih untuk ditemu bual. Guru pertama ialah Pn. Wahida (bukan nama penuh) dan diberi kod: PK03. Guru kedua ialah cikgu Ridzuan (bukan nama penuh) dan diberi kod PK04. Kesemua guru Bahasa Melayu ini dipilih berdasarkan:

1. Mereka mengajar murid-murid B40 yang tidak tahu membaca dan menulis tersebut.
2. Mereka secara sukarela bersedia untuk menjadi peserta kajian dan ditemu bual.

Masalah yang Dihadapi oleh Murid B40 dalam Kemahiran Membaca dan Menulis

Bahagian ini membincangkan soalan: *Apakah masalah yang dihadapi oleh murid-murid keluarga B40 dalam kemahiran membaca dan menulis ini dari perspektif guru Bahasa Melayu?* Seramai empat orang guru Bahasa Melayu telah menjadi peserta kajian. Kempat-empat orang guru ini mengajar di dua buah sekolah menengah kebangsaan (SMK) yang menjadi lokasi kajian. Seramai dua orang guru dari SMKA – sebuah SMK yang dikategorikan sebagai sekolah bandar. Seramai dua orang dari SMKB – sebuah SMK yang dikategorikan sebagai sekolah luar bandar. Dari SMKA, guru-guru tersebut dikodkan sebagai

Peserta Kajian Guru (PKG) 01 atau PKG01 dan PKG02. Dari SMKB pula, guru-guru tersebut dikod sebagai PKG03 dan PKG04. Daripada data temu bual kesemua PKG tersebut, terdapat empat tema yang dibina berdasarkan soalan temu bual yang diajukan, iaitu: (i) pengalaman mengajar, (ii) mewujudkan persekitaran Bahasa Melayu, (iii) guru sebagai pemimpin yang berterusan, dan (iv) menggalakkan penggunaan Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran. Keempat-empat tema ini berkaitan dengan masalah yang dihadapi oleh PKG sepanjang mengajar murid-murid B40, sama ada berkaitan dengan kemahiran membaca maupun kemahiran menulis.

Pengalaman Guru Bahasa Melayu Mengajar Murid B40

Keempat-empat PKG bersetuju bahawa sepanjang tempoh mengajar murid-murid B40 ini, kesemua mereka tidak menguasai kemahiran membaca dan menulis, terutamanya dalam kalangan murid Cina. Melalui pengalaman mengajar mereka, kesemua PKG setuju bahawa murid-murid B40 ini tidak menguasai kemahiran membaca dan menulis. Paling banyak tidak tahu membaca dan menulis ialah murid Cina, diikuti murid India dan Melayu. Jika mereka boleh membaca atau menulis, tetapi kebanyakannya mereka tidak tahu apa yang dibaca dan ditulis. Faktor sikap seperti tidak mendengar kata guru, tidak suka membaca atau menulis menjadi faktor penyumbang kepada masalah tidak boleh membaca dan menulis murid-murid B40 ini. Hal ini boleh dilihat daripada temu bual yang dijalankan terhadap kesemua PKG.

Boleh ceritakan serba sedikit pengalaman cikgu sepanjang mengajar murid yang mempunyai masalah membaca dan menulis ini? Murid di sini kebanyakannya menghadapi masalah dalam kemahiran menulis berbanding kemahiran membaca dan bertutur. Dalam kelas yang saya ajar semua 32 murid ialah berbangsa Cina dan murid India. Murid boleh membaca tetapi tidak faham apa yang dibaca dan murid boleh menulis tetapi tidak tahu apa-apa yang ditulis, hanya meniru sahaja. Walaupun hanya menyalin tetapi masih banyak kesalahan yang dilakukan oleh murid. (TB/PKG01/Baris 1-8)

Boleh ke tidak cikgu ceritakan pengalaman mengajar murid-murid dari keluarga B40 ini yang tidak boleh membaca dan menulis ini. Saya mengajar

kelas 1 Cergas ini. Saya baru mengajar kelas selepas PKP. Saya baru mengajar 3 bulan kelas ini. Masalah membaca, kebanyakannya murid ini terutamanya murid Cina lebih ketara berbanding murid India. Murid Cina ini belajar di kelas peralihan. Selama 6 tahun di sekolah rendah (sekolah jenis kebangsaan Cina) mereka tidak boleh menguasai kemahiran membaca. (TB/PKG03/Baris 9-14)

Jadi dalam tempoh 11 tahun cikgu mengajar Bahasa Melayu, apa yang boleh cikgu kongsi dengan saya berkaitan dengan pengajaran Bahasa Melayu? Pengajaran Bahasa Melayu ini yang boleh saya katakan kebanyakannya mereka ini lemah disebabkan kurang minat untuk membaca. Murid-murid ini tidak suka menulis. Maksudnya apabila kita memberi soalan, mereka akan menjawab semudah yang mungkin. Jadi minat menulis tidak ada dan tidak suka mendengar. Jadi bila mereka lemah tiga perkara atas ini akan mengganggu kemahiran bahasa. (TB/PKG04/Baris 6-12)

PKG juga menyatakan bahawa hampir semua murid tidak tahu membaca dan menulis ini datang daripada pelbagai kaum, baik Melayu, Cina ataupun India. Namun, murid B40 kaum Cina dikenal pasti sebagai peserta kajian yang ramai yang tidak tahu membaca dan menulis, diikuti murid India B40. Kesemua PKG juga bersetuju murid-murid B40 yang mereka ajar berasal daripada keluarga berpendapatan rendah dan kurang berada. Hal ini jelas dilihat pada PKG01, PKG03 dan PKG05 ketika ditemu bual.

Sepanjang mengajar mata pelajaran BM, pernahkah cikgu menjumpai murid-murid B40 yang mempunyai masalah membaca dan menulis? Kebanyakan murid yang mempunyai masalah membaca dan menulis ini memang daripada keluarga B40 berbanding keluarga status lain. Kebanyakan murid ini datang dari kelas Peralihan sebab itu pelajar kaum Melayu sangat sedikit yang menghadapi masalah ini. (TB/PKG01/Baris 10-14)

Adakah murid-murid yang tidak tahu membaca dan menulis yang cikgu mengajar ini datang daripada keluarga B40? Ya. Saya rasa hampir semua murid ini baik Melayu, Cina dan India datang dari keluarga kurang berada. Keluarga mereka boleh dikategorikan sebagai keluarga B40. Kebanyakan ibu bapa mereka berpendapatan rendah. (TB/PKG03/Baris 14-18)

Berdasarkan pengalaman Cikgu Hidayat mengajar, sudah tentu bertemu dengan masalah murid B40 ini yang hadapi masalah ini. Bagaimana situasi murid

di sekolah ini yang ada masalah-masalah membaca dan menulis itu? Cikgu boleh respons? Kalau di sekolah ini, saya lihat murid-murid yang B40 ini lemah dari segi pertuturan terutamanya murid bukan Melayu. Mereka berkomunikasi dengan bahasa rojak, dan bahasa pasar. Jadi apabila mereka menjawab soalan peperiksaan, mereka tidak dapat membezakan antara bahasa pasar dan bahasa formal dalam Bahasa Melayu. Itu yang saya kenal pasti bagi murid berbangsa Melayu. Bagi murid bangsa lain itu maksudnya, sememangnya komunikasi mereka di rumah pun sudah tentu lagilah mempengaruhi faktor tersebut. Faktor foundation murid sekolah Cina dan India turut juga menyumbang kepada masalah ini. Tapi untuk pelajar-pelajar Melayu yang saya nampak mereka tidak dapat membezakan penggunaan bahasa yang tepat ketika menggunakan bahasa formal ataupun situasi yang formal. (TB/PKG04/Baris 13-24)

Dari segi kaum murid B40, keempat-empat PKG menyatakan bahawa murid kaum Cina B40 paling ramai tidak tahu membaca dan menulis. Hal ini diikuti murid India dan murid B40 kaum Melayu. Murid B40 kaum Cina bukan sahaja tidak boleh membaca dan menulis, tetapi juga tidak mendengar kata guru, tidak fokus belajar, tidak hormat guru, suka ganggu rakan, nakal di dalam kelas dan sebagainya. Dengan kata lain, terdapat banyak punca murid-murid B40 pelbagai kaum ni tidak boleh membaca dan menulis. Hal ini ditegaskan oleh PKG01, PKG02 dan PKG03 ketika ditemu bual tentang murid-murid B40:

Sepanjang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu, pernahkah cikgu menjumpai murid-murid B40 yang mempunyai masalah membaca dan menulis? Kebanyakan murid yang mempunyai masalah membaca dan menulis ini memang daripada keluarga B40 berbanding keluarga status lain. Kebanyakan murid-murid ini datang dari kelas Peralihan sebab itu pelajar kaum Melayu sangat sedikit yang menghadapi masalah ini. Apakah masalah tersebut? Saya dapati masalah murid-murid ini ialah kerana murid-murid ini memang tidak menggunakan BM dalam pertuturan mereka, mereka menggunakan Bahasa ibunda masing-masing. Seterusnya, sokongan dan kerjasama daripada ibu bapa B40 ini sangat kurang dan sukar diperoleh. Contoh, saya berikan borang hanya untuk tandatangan sahaja, minta berulan-ulang kali tetapi ibu bapa akan melengah-lengahkan sehingga akhirnya borang itu hilang kerana terlalu lama. Sekiranya, cikgu menghubungi ibu bapa untuk kongsikan masalah anak mereka, ibu bapa akan cuba mengelak. Telefon kali pertama angkat tetapi seterusnya apabila kita telefon

lagi memang tidak akan dilayan. (PKG01/TB/Baris 15-27)

Sepanjang 20 tahun cikgu mengajar Bahasa Melayu tingkatan 1, antara kemahiran dengar tutur, membaca dan menulis kemahiran yang mana murid-murid paling sukar untuk kuasai? Kemahiran menulis ialah kemahiran yang paling sukar untuk murid-murid kuasai terutamanya bagi murid-murid berbangsa Cina. Murid-murid Melayu tidak ramai yang bermasalah dalam kelas saya ada seorang murid berbangsa Melayu yang bermasalah menulis. Dia merupakan murid dari kelas peralihan tahun lepas dan dia juga bersekolah di sekolah jenis kebangsaan Cina semasa dia di sekolah rendah. Walau bagaimanapun murid ini masih boleh membaca secara mekanis tetapi dia tidak memahami apa yang dibacanya. (TB/PKG02/Baris 13-23)

Apakah punca atau masalah yang menyebabkan murid Cina ini sukar menguasai kemahiran membaca Bahasa Melayu? Banyak punca. Antaranya faktor sikap murid Cina yang tidak mendengar cakap guru. Masalah disiplin mereka lain. Mereka tidak hormat guru yang mengajar mereka, tidak mendegar kata guru. Mereka juga kurang memberi tumpuan pada pelajaran di dalam kelas. Mereka bosan belajar tajuk yang sama di sekolah menengah, tetapi masih tidak menguasai kemahiran membaca. Apabila diulang semula perkara atau tajuk yang sama, mereka tidak tahu. Sebab mereka tidak fokus. Bila suruh dibuat ayat mudah, mereka tak tidak boleh buat. Ada sesetengah murid Cina khususnya, mereka boleh mengeja, boleh menyebut tetapi mereka tidak tahu apa perkara yang disebutkan itu. Mereka tidak tahu maksudnya. Contohnya: perkataan ‘cawan’ mereka faham apa itu cawan. Tetapi apabila disebut ‘cerek’, mereka tidak tahu apa itu cerek. Cikgu terpaksa tunjuk gambar untuk membantu murid faham apa itu cerek. Selain itu, buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 1 tidak sesuai. Buku teks ini aras tinggi untuk murid-murid kelas peralihan. Tidak sesuai. (TB/PKG03/Baris 18-31).

Bagaimakah dengan murid India, cikgu? Adakah masalah gagal menguasai kemahiran membaca sama seperti dengan murid Cina? Sikap murid India berbeza dengan sikap murid Cina. Mereka lebih hormat guru. Penguasaan Bahasa Melayu mereka lebih baik berbanding dengan murid Cina. Mereka lebih fasih berbahasa Melayu. Tahap pembacaan lebih baik berbanding murid Cina. Tetapi dalam peperiksaan yang melibatkan kemahiran menulis, murid India ini tidak boleh menulis dengan baik. Mereka tidak menguasai kemahiran menulis. Sebab mereka boleh bercakap (bertutur) agak fasih. Tapi dalam peperiksaan tidak boleh menjawab. Sama macam murid Cina. (TB/PKG03/Baris 31-38)

Ada tak murid Melayu daripada keluarga B40 ini di kelas yang cikgu mengajar? Ada. Murid ini menghadapi masalah penglihatan. Dia tidak tahu membaca. Masa belajar, dia tidak fokus belajar, banyak bermain daripada belajar. Dia ambil mudah masa belajar. Dia menghadapi masalah membaca. Membaca tidak berapa lancar. Contoh, apabila diminta bina ayat mudah, tidak tahu nak tulis ayat mudah. Ada juga murid Melayu yang sesetengahnya boleh membaca tapi tidak tahu menulis. Kalau tulis pun salin bulat-bulat.(TB/PKG03/Baris 38-44).

Terdapat pelbagai punca yang menyebabkan murid-murid B40 tidak dapat membaca dan menulis. Setiap murid mengikut kaum berbeza punca mereka tidak boleh membaca dan menulis. Sebagai contoh, murid B40 kaum Cina tidak boleh membaca dan menulis banyak disebabkan oleh faktor sikap mereka seperti:

1. Tidak mendengar cakap guru.
2. Kurang memberi tumpuan ketika belajar /tidak fokus.
3. Bosan belajar tajuk yang sama di sekolah menengah/sudah pelajari di sekolah rendah.
4. Kurang minat membaca.
5. Tidak suka menulis.

Murid B40 kaum India tidak boleh membaca dan menulis disebabkan oleh faktor sikap mereka seperti berikut:

1. Tidak fokus ketika belajar.
2. Tidak faham apa yang dibaca.

Murid Melayu tidak boleh membaca dan menulis disebabkan oleh faktor sikap mereka, iaitu:

1. Tidak tahu membaca kerana ada masalah penglihatan
2. Tidak fokus masa belajar
3. Banyak bermain daripada belajar.
4. Ambil mudah masa belajar.

Kesan murid-murid B40 kaum Melayu, Cina dan India yang tidak fokus ketika belajar menyebabkan mereka:

1. Tidak boleh membina ayat mudah.
2. Boleh mengeja, tetapi tidak tahu makna/maksud perkataan yang dieja.
3. Boleh membaca, tetapi tidak faham apa yang dibaca.
4. Boleh menulis, tetapi tidak tahu apa yang ditulis.

5. Tunjuk gambar baharu tahu/faham perkataan yang disebut.
6. Tidak boleh menulis dengan baik.
7. Dalam peperiksaan tidak boleh menjawab soalan.
8. Membaca tidak berapa lancar.
9. Tidak dapat bezakan antara bahasa pasar dengan Bahasa Melayu formal

Semua punca tidak boleh membaca dan menulis murid-murid B40 daripada kaum Melayu, Cina dan India ini jelas diperkatakan oleh PKG03. PKG03 ialah seorang guru Bahasa Melayu yang mempunyai pengalaman mengajar lebih 25 tahun. Daripada temu bual yang dijalankan, PKG03 menyatakan dengan jelas punca-punca murid B40 ini tidak boleh membaca dan menulis.

Apakah punca atau masalah yang menyebabkan murid Cina ini sukar menguasai kemahiran membaca Bahasa Melayu? Banyak punca. Antaranya faktor sikap murid Cina yang tidak mendengar cakap guru. Masalah disiplin mereka lain. Mereka tidak hormat guru yang mengajar mereka, tidak mendengar kata guru. Mereka juga kurang memberi tumpuan pada pelajaran di dalam kelas. Mereka bosan belajar tajuk yang sama di sekolah menengah, tetapi masih tidak menguasai kemahiran membaca. Apabila diulang semula perkara atau tajuk yang sama, mereka tidak tahu. Sebab mereka tidak fokus. Bila suruh dibuat ayat mudah, mereka tak tidak boleh buat. Ada sesetengah murid Cina khususnya, mereka boleh mengeja, boleh menyebut tetapi mereka tidak tahu apa perkara yang disebutkan itu. Mereka tidak tahu maksudnya. Contohnya: perkataan ‘cawan’ mereka faham apa itu cawan. Tetapi apabila disebut ‘cerek’, mereka tidak tahu apa itu cerek. Cikgu terpaksa tunjuk gambar untuk membantu murid faham apa itu cerek. Selain itu, buku teks Bahasa Merlayu Tingkatan 1 tidak sesuai. Buku teks ini aras tinggi untuk murid-murid kelas peralihan. Tidak sesuai. (TB/PKG03/Baris 18-31).

Bagaimakah dengan murid India, cikgu? Adakah masalah gagal menguasai kemahiran membaca sama seperti dengan murid Cina? Sikap murid India berbeza dengan sikap murid Cina. Mereka lebih hormat guru. Penguasaan Bahasa Melayu mereka lebih baik berbanding dengan murid Cina. Mereka lebih fasih berbahasa Melayu. Tahap pembacaan lebih baik berbanding murid Cina tetapi tidak faham apa yang dibaca. Tetapi dalam peperiksaan yang melibatkan kemahiran menulis, murid India ini tidak boleh menulis dengan baik, tak boleh menjawab.

Mereka tidak menguasai kemahiran menulis. Mereka tidak fokus ketika belajar. Sikap mereka sama macam murid Cina. (PKG03/TB/Baris 31-38).

Ada tak murid Melayu daripada keluarga B40 ini di kelas yang cikgu mengajar? Ada. Murid ini menghadapi masalah penglihatan. Dia tidak tahu membaca. Masa belajar, dia tidak fokus belajar, banyak bermain daripada belajar. Dia ambil mudah masa belajar. Dia menghadapi masalah membaca. Membaca tidak berapa lancar. Contoh, apabila diminta bina ayat mudah, tidak tahu nak tulis ayat mudah. Ada juga murid Melayu yang sesetengahnya boleh membaca tapi tidak tahu menulis. Kalau tulis pun salin bulat-bulat. (PKG03/TB/Baris 39-44)

Berdasarkan faktor pengalaman mengajar ini, dapat dirumuskan bahawa kesemua PKG bersetuju bahawa:

1. Masalah membaca dan menulis murid-murid B40 adalah berbeza mengikut kaum.
2. Murid B40 kaum Cina lebih bermasalah dalam penguasaan kemahiran membaca dan menulis berbanding murid B40 kaum India dan Melayu.
3. Faktor sikap merupakan faktor utama menjadi punca masalah membaca dan menulis dalam kalangan murid B40 pelbagai kaum ini.

Kaedah Guru Bahasa Melayu dalam Mewujudkan Persekutaran Bahasa

Tema kedua merujuk kepada peranan pentadbir sekolah dan guru dalam mewujudkan persekitaran Bahasa Melayu di sekolah. Sebanyak 6 soalan diajukan kepada PKG tentang hal ini. Tujuan ditanya tentang perkara ini adalah untuk mengetahui adakah pihak pentadbir sekolah mewujudkan persekitaran Bahasa Melayu yang boleh membantu murid-murid tidak tahu membaca dan menulis ini terlibat sama dalam aktiviti bahasa yang diadakan. Akhirnya mereka berminat belajar Bahasa Melayu dan membantu mereka menguasai kemahiran membaca dan menulis.

Dalam mewujudkan persekitaran Bahasa Melayu sentiasa dibina di sekolah, pihak pentadbir sekolah mengadakan pelbagai aktiviti. Keempat-empat PKG menyatakan bahawa pentadbir sekolah menyokong aktiviti NILAM anjuran Panitia Bahasa Melayu. Selain aktiviti NILAM, pihak sekolah juga mengadakan aktiviti khususnya yang melibatkan kemahiran membaca seperti

mengadakan: (i) Program Membaca yang dikendalikan oleh Pusat Sumber Sekolah, (ii) Aktiviti 7 Minit Membaca dan (ii) Bulan Bahasa. Murid-murid yang tidak boleh membaca dan menulis pula, pihak sekolah akan: (i) menyerahkan murid yang lemah atau tidak boleh membaca dan menulis ini kepada guru tertentu untuk sesi pemulihan dan (ii) membawa murid tidak tahu membaca ke Pusat Sumber Sekolah untuk menarik minat mereka membaca. Semua kenyataan ini dikatakan oleh PKG01, PKG02, PKG03 dan PKG04.

Apakah barisan pentadbir sekolah mempromosikan aktiviti membaca dalam Bahasa Melayu? Seperti di SMK Jalan Bukit memang telah wartakan setiap hari Selasa dan Khamis murid akan datang lebih awal dan ada program membaca yang dikendalikan oleh PSS. Murid-murid yang lemah akan diserahkan kepada guru-guru tertentu untuk mengikuti sesi pemulihan. (PKG01/TB/Baris 25-29).

Sepanjang cikgu mengajar di sekolah ini, pernahkah pihak sekolah membuat aktiviti atau program bagi membantu murid-murid yang bermasalah membaca dan menulis ini? Pihak sekolah pernah membuat pertandingan membaca sajak, bercerita dan menulis karangan bagi setiap tingkatan. Penyertaan adalah wajib bagi semua murid berdasarkan guru mata pelajaran kelas tersebut. (PKG02/TB/Baris 3-45)

Kita pergi soalan seterusnya berkaitan peranan pentadbir sekolah dalam mempromosikan aktiviti membaca Bahasa Melayu di sekolah? Pihak sekolah ada buat. Bawah Panitia Bahasa Melayu, kita buat aktiviti NILAM. Masa saya mengajar, 30 minit/setegah jam saya akan bawa kelas murid yang ramai tak tahu membaca ini ke Pusat Sumber. Mereka akan diminta membaca dan membaut catatan apa buku yang mereka baca. Masalahnya, kebanyakan mereka terutamanya murid Cina tak menulis, tak buat catatan. Sebab tak faham Bahasa Melayu. Jadi, murid Cina ini datang Pusat Sumber duduk sahaja. Sesetengahnya tidur. Bila hendak pandai membaca atau menulis. Pihak sekolah juga ada buat aktiviti 7 Minit Membaca. Sebelum PKP ada dibuat masa Perhimpunan Sekolah. Tapi, selepas PKP ini terpaksa dibuat di dalam kelas aktiviti 7 Minit Membaca. (PKG03/TB/Baris 48-57)

Berkaitan perkara yang sama, apakah yang dilakukan oleh pentadbir sekolah untuk memartabatkan Bahasa Melayu? Ada laaa. Saya masuk sekolah ini pada bulan Jun 2019. Banyak perkara yang dilakukan oleh pihak sekolah. Antaranya Bulan Bahasa, Program NILAM, Sambutan Bulan

Kemerdekaan, dan beberapa aktiviti berupa pertandingan. Sebenarnya macam-macam program yang dilaksanakan. Sambutan murid-murid adalah menggalakkan dan murid berminat dengan program tersebut. Sekadar setahun di sini, saya nampak murid berminat terutama murid sesi petang. (PKG04/TB/Baris 24-31).

Pihak sekolah juga menyediakan pelbagai kemudahan untuk menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dengan berkesan di sekolah. Kesemua PKG menyokong bahawa pihak sekolah banyak menyediakan kemudahan yang menyokong pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Antaranya adalah seperti (i) ada Internet untuk menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran, (ii) ada makmal bahasa dan (iii) mengadakan sudut bahasa. Kesemua kemudahan ini disediakan oleh pihak sekolah dengan kerjasama Panitia Bahasa Melayu. Dengan mewujudkan persekitaran bahasa di sekolah, secara tidak langsung akan menarik minat dan motivasi murid B40 yang tidak tahu membaca dan menulis untuk turut serta dalam aktiviti yang dilaksanakan. Hal ini diakui oleh PKG01 dan PKG03 ketika ditemu bual.

Bagaimakah dengan kemudahan menyokong pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah? Sebagai sekolah TS25 saya memang tidak menghadapi masalah tentang kemudahan untuk sesi pengajaran kerana pihak pentadbir sentiasa membantu aspek ini, Cuma masalah internet merupakan isu yang dihadapi oleh banyak sekolah, masih belum dapat diapasi dengan sepenuhnya. (PKG01/TB/Baris 31-35).

Bagaimana dengan kemudahan PdPc untuk menyokong PdPc Bahasa? Adakah mencukupi? Ada masalah. Bahan bantu belajar untuk membantu murid-murid yang tak tahu membaca dan menulis ini tidak cukup. Sesetengahnya tidak ada. Tidak ada bahan bantu yang terkini. Jika ada pun bahan bantu membaca dan menulis itu bahan lama. (PKG03/TB/Baris 63-66).

Persekutuan sekolah yang kondusif dengan pelbagai aktiviti bahasa turut menggalakkan minat membaca dan menulis murid-murid B40. Untuk itu, pihak sekolah terutamanya guru Bahasa Melayu, Panitia Bahasa Melayu dengan bantuan dan sokongan pihak pentadbir boleh membantu masalah membaca dan menulis murid-murid B40

ini. Antara perkara atau aktiviti yang boleh dilakukan ialah:

1. Banyak disediakan bahan bantu mengajar di bawah Panitia Bahasa Melayu.
2. Melibatkan murid-murid B40 dalam setiap aktiviti bahasa.
3. Murid yang tidak tahu membaca dan menulis ditempatkan di dalam kelas yang tidak lebih 20 orang dalam satu kelas.
4. Membeli bahan bantu belajar berbentuk gambar untuk menarik minat murid bukan Melayu dan tidak berminat belajar Bahasa Melayu untuk belajar.
5. Mewujudkan lebih banyak sudut bahasa di dalam sekolah dan di dalam kelas.
6. Meningkatkan kemudahan prasarana Internet untuk menggalakkan murid-murid B40 belajar Bahasa Melayu melalui pembelajaran atas talian.

Kesemua aktiviti yang dinyatakan ini dapat mewujudkan persekitaran bahasa di sekolah. Murid-murid B40, khususnya yang bukan Melayu akan berasa seronok untuk belajar Bahasa Melayu jika banyak usaha dilakukan untuk menggalakkan mereka untuk turut serta. Murid-murid B40 ini kebanyakan mereka memerlukan perhatian. Justeru, mewujudkan persekitaran bahasa yang dapat mereka serta akan merangsang minat dan motivasi mereka untuk belajar Bahasa Melayu. Hal ini dikatakan oleh PKG03 ketika ditemu bual tentang persekitaran bahasa di sekolah.

Adakah dengan mewujudkan persekitaran Bahasa Melayu di sekolah dapat membantu masalah membaca dan menulis murid-murid kumpulan B40? Ya saya setuju sangat. Pihak sekolah kena wujudkan persekitaran Bahasa Melayu yang dapat membantu murid-murid tersebut membaca dan menulis. Misalnya, murid yang tidak pandai membaca ini tidak lebih 20 orang dalam satu kelas. Kalau ramai dalam satu kelas, saya tak dapat fokus mengajar seorang-seorang yang tak boleh membaca itu. Sekolah juga kena sediakan banyak bahan bantu mengajar bahasa, khususnya untuk murid yang tidak tahu membaca. Kita kena faham murid-murid daripada keluarga B40 ini, ibu bapa tidak ada masa untuk membeli bahan bacaan. Jauh sekali hendak ajar anaknya yang tak tahu membaca. Sekolah boleh beli bahan bantu belajar yang berbentuk visual atau bergambar. Ini akan menarik minat mereka untuk belajar, membaca dan menulis. Tapi kena ingat. Murid Melayu yang tidak menguasai kemahiran membaca dan menulis,

cara mengajar mereka tidak sama dengan murid Cina dan India. Sebab, murid Melayu belajar Bahasa Melayu sebagai bahasa pertama, sedangkan murid Cina dan India belajar Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Sudah tentu kaedah mengajar mereka tidak sama. (PKG03/TB/Baris 81-95).

Sebagai rumusan, persekitaran sekolah banyak membantu murid-murid B40 dapat membaca dan menulis. Namun demikian, sikap murid B40 ini menyebabkan mereka masih tidak tahu atau kurang mahir membaca dan menulis. Antara yang dilakukan oleh pihak sekolah dalam mewujudkan persekitaran membaca dan menulis di sekolah ialah:

1. Pihak pentadbir sekolah mengadakan pelbagai program Bahasa Melayu di sekolah.
2. Semua aktiviti/Program Bahasa Melayu dilaksanakan dalam Bahasa Melayu sepenuhnya.
3. Terdapat banyak kemudahan pembelajaran Bahasa Melayu disediakan oleh pihak sekolah untuk memastikan aktiviti membaca dan menulis dapat dilaksanakan.
4. Mengajar menggunakan pelbagai bahan bantu mengajar yang sesuai dengan tahap kognitif murid B40 ini.
5. Menyediakan pelbagai persekitaran bahasa yang dapat membantu murid B40 membaca dan menulis.

Guru Bahasa Melayu sebagai Pemimpin yang Berterusan

Tanggungjawab sebagai seorang guru adalah besar. Demikian juga kepada guru-guru Bahasa Melayu yang menjadi peserta kajian ini. Sebagai pemimpin yang berterusan mendidik dan memberi tunjuk ajar kepada murid-muridnya, kesemua PKG ini menunjukkan contoh baik dalam mengajar murid-murid B40 ini. Guru-guru Bahasa Melayu ini akan terus menunjukkan kepimpinan berterusan sebagai seorang pendidik, terutamanya ketika mengajar murid-murid daripada keluarga B40 pelbagai kaum yang masih mengalami masalah membaca dan menulis. Pelbagai cara yang boleh dilakukan oleh PKG ini sebagai pemimpin yang berterusan dalam bidangnya seperti:

1. Mengajar menggunakan Bahasa Melayu standard, tanpa mencampur aduk dengan bahasa Inggeris.

2. Sentiasa yakin bahawa masalah tidak boleh membaca dan menulis yang dihadapi oleh murid-muri B40 ini boleh diatasinya.
3. Sentiasa berusaha untuk mencari cara untuk menyelesaikan masalah tidak boleh membaca dan menulis oleh murid-murid B40 seperti berbincang dengan guru kelas dan ibu bapa mereka.

Bagi membantu murid-murid B40 ini mengatasi masalah membaca dan menulis, PKG01, PKG02 dan PKG04 menggunakan pelbagai cara. Namun begitu PKG03 tidak yakin dapat membantu murid B40 ini masalah membaca dan menulis mereka. Sebaliknya, PKG01, PKG02 dan PKG04 yakin dapat membant dengan cara seperti: (i) membuat intervensi bacaan, (ii) tidak banyak memberi tugas, (iii) memberi motivasi, (iv) menggunakan buku bacaan dan lain-lain kaedah dan teknik yang PKG gunakan. Semua yang dikatakan oleh PKG01 dan PKG02 ketika ditemu bual.

Bagaimana pelaksanaan intervensi bagi murid-murid yang mempunyai masalah membaca dan menulis ini? Saya melaksanakan kelas intervensi dalam pukul 12.00 tengah hari, berjumpa secara berseorangan dan bimbing secara individu. Cikgu juga perlu menjalankan Teknik Latih Tubi untuk aspek-aspek tertentu dalam BM. Saya juga meminta murid menyalin jawapan untuk memahirkan penulisan mereka.(PKG01/TB/Baris 57-62).

Sebagai guru yang berpengalaman, apakah kaedah atau teknik pengajaran yang paling berkesan untuk membantu masalah murid-murid ini? Teknik yang paling berkesan yang saya gunakan semasa mereka di kelas peralihan adalah membaca dengan bantuan guru secara berulang-ulang iaitu guru baca murid-murid ikut. Saya juga memanfaatkan masa kelas guru ganti untuk mengajar mereka membaca dengan meminta mereka membaca di hadapan kelas. Namun sekarang semasa di tingkatan 1 P&P Bahasa Melayu adalah mengikut kemahiran sekiranya semasa kemahiran membaca saya akan mengajar mereka membaca satu persatu. (PKG02/TB/Baris 45-54)

Dalam memastikan murid-murid B40 ini cepat menguasai kemahiran membaca dan menulis, kesemua PKG mengambil pelbagai pendekatan. Antara yang dilakukan oleh PKG adalah dengan cara:

1. Berbincang dengan guru kelas murid B40.

2. Menghubungi ibu bapa murid B40.
3. Berbincang dengan ibu bapa murid B40 tentang pelajaran anak-anak mereka.

Namun demikian, pencapaian murid-murid B40 dalam menguasai kemahiran membaca dan menulis tidak mendapat kerjasama sepenuhnya daripada ibu bapa murid B40. Walaupun terdapat ibu bapa yang memberikan kerjasama, tetapi tidak semuanya membantu guru untuk membantu anak-anak mereka menguasai kemahiran membaca dan menulis. Antara alasan mereka ialah:

1. Tidak ada masa untuk datang ke sekolah.
2. Tidak bekerjasama untuk membantu anak-anak mereka membaca dan menulis.
3. Menyerahkan sepeunuhnya kepada guru untuk mengajar anak-anak mereka menguasai kemahiran membaca dan menulis.

Alasan-alasan yang diberikan oleh ibu bapa ini diluahkan oleh PKG02, PKG03 dan PKG04 ketika ditemu bual.

Bagaimana pula dengan penglibatan ibu bapa mereka dengan aktiviti yang pihak sekolah jalankan? Ibu bapa mereka tidak pernah hadir sebarang aktiviti sekolah seperti mesyuarat Agung, Hari Akademik atau hari bertemu pelanggan. Pada saya itu merupakan masalah utama murid-murid ini gagal untuk menguasai kemahiran membaca dan menulis. Kebanyakan ibu bapa mereka ini tidak mengambil kisah hal akademik anak-anak. Malah ada seorang murid Cina dia sendiri tanpa ditemani ibu atau ahli keluarga yang lain datang mendaftar semasa hari pertama datang ke sekolah. (PKG02/TB/Baris 66-72)

Bagaimakah respons ibu bapa murid-murid ini terhadap permasalahan yang dihadapi oleh anak mereka di sekolah? Perkara ini agak mengecewakan. Ibu bapa murid B40 ini kurang datang ke sekolah. Mereka menyerahkan bulat-bulat pendidikan anak mereka kepada guru. Mesyuarat PIBG yang diadakan, ramai guru yang hadir daripada ibu bapa. Mereka menerima guru marahkan anak mereka, sebat anak mereka, tegur anak mereka dan mengambil tindakan disiplin terhadap anak-anak mereka yang nakal tersebut. Ibu bapa tidak ada masa. Mereka serahkan bulat-bulat mendidik anak-anak mereka kepada guru. Jika anak mereka tidak tahu membaca atau menulis, mereka serahkan kepada guru untuk mengajar mereka sehingga boleh membaca dan menulis. (PKG03/TB/Baris 137-142)

Bagaimana respon ibu bapa murid-murid ini terhadap permasalahan yang dihadapi oleh anak mereka? Semasa perbincangan tersebut, ada ibu bapa yang mengakui kelemahan anak-anak mereka. Ada ibu bapa bangsa Cina dan India mereka mengakui tidak mengambil berat tentang kemahiran berbahasa ini terutama Bahasa Melayu. Mereka tidak pentingkan bahasa ini. (PK04/TB/Baris 115-121)

Selain itu, terdapat pelbagai usaha dilakukan oleh guru Bahasa Melayu dan pihak sekolah untuk memastikan murid-murid B40 yang lemah dan tidak tahu membaca dan menulis ini dapat membaca dan menulis dengan lancar. Antara yang dilakukan adalah dengan membuat saringan intervensi kepada murid-murid B40 ini. Terdapat juga kelas pemulihan yang dilakukan oleh guru Bahasa Melayu untuk membantu murid-murid B40 ini membaca dan menulis dengan lancar, terutamanya dalam kalangan murid B40 Cina.

Bagaimana cikgu melaksanakan intervensi bagi murid-murid yang mempunyai masalah membaca dan menulis ini? Saya tidak buat intervensi membaca dan menulis. Dulu memang ada, tetapi sekarang tidak ada. Tidak sempat dan tidak ada masa tuan. Selain itu, dahulu sekolah ini ada guru yang boleh membuat intervensi, tetapi guru ini sudah berpindah sekolah. Sekolah ini pun tidak buat intervensi. Sepatutnya guru pemulihan membuat intervensi untuk murid-murid B40 yang tidak boleh membaca dan menulis ini, tetapi tidak dapat dilaksanakan. Saya pun tidak tahu mengapa tidak buat intervensi ini. Mungkin bila KPM arahkan LINUS tidak boleh dibuat lagi, maka sekolah tidak buatlah LINUS. Sepatutnya sekolah kena buat saringan murid-murid yang tidak tahu membaca dan menulis ini. Masalah murid tidak tahu membaca dan menulis ini masih banyak di sekolah ini. (PKG03/TB/Baris 145-155)

Segala usaha yang dilakukan oleh guru Bahasa Melayu dan pihak sekolah untuk membantu murid-murid B40 membaca dan menulis sekiranya ibu bapa murid B40 tidak memainkan peranan mereka. Melalui temu bual dengan PKG, kesemua PKG menyatakan ‘YA’. Ibu bapa sepatutnya bekerjasama dengan guru dan pihak sekolah untuk membantu anak-anak mereka boleh membaca dan menulis. Namun demikian, kerjasama ibu bapa dalam hal ini kurang memuaskan. Kebanyakan ibu bapa murid B40:

1. Tidak memberikan kerjasama untuk perkongsian masalah anak-anak mereka.

2. Tidak peduli tentang tahap penguasaan anak-anak mereka.
3. Tidak membantu anak-anak daripada segi kelengkapan pembelajaran

Semua PKG bersetuju bahawa ibu bapa murid B40 sepatutnya membantu guru dan pihak sekolah ini. Sebaliknya mereka tidak memainkan peranan yang sepatutnya dalam hal ini. Hal ini ditegaskan oleh PKG03 ketika ditemu bual:

Pada pendapat cikgu, adakah latar belakang keluarga B40 memainkan peranan terhadap murid-murid yang mempunyai masalah membaca dan menulis? Saya setuju sangat. Ibu bapa perlu mainkan peranan mereka. Mereka kena bantu guru untuk membantu anak-anak mereka boleh membaca dan menulis. Ibu bapa perlu berikan kerjasama dalam hal ini. Ibu bapa tidak boleh serahkan semua masalah murid tidak pandai membaca dan menulis kepada guru. Sebaliknya, ibu bapa boleh bantu guru dan pihak sekolah. Caranya dengan menanya anak-anak di rumah, membantu mereka buat kerja sekolah dan sebagainya. Ibu bapa perlu tahu sama ada anaknya boleh membaca dan menulis atau tidak. Ibu bapa tidak boleh mengharapkan guru saaja di sekolah untuk bantu anak mereka boleh membaca. Ada ke tidak ibu bapa mainkan peranannya? Tidak semua. Seperti yang saya katakan di peringkat awal tadi. Kebanyakan ibu bapa murid ini terdiri daripada mereka B40. Mereka sibuk mencari rezeki. Tidak ada masa untuk bertanya khabar pelajaran anak-anak mereka. Mereka mengharapkan sekolah membantu anak-anak mereka boleh membaca dan menulis. Saya tidak kisah bagi murid Cina. Kaum Cina, jika anak mereka tidak suka bersekolah mereka suruh anak mereka bekerja cara pengalaman. Tetapi budaya ini belum ada dalam kaum Melayu dan India. Murid-murid ini terus belajar sehingga tingkatan 5. (PKG03/TM/Baris 155-170)

Sebagai rumusan, guru Bahasa Melayu sebagai pemimpin yang secara berterusan dapat membantu masalah membaca dan menulis yang dihadapi oleh murid-murid B4 ini. Guru Bahasa Melayu perlu yakin bahawa mereka dapat membantu murid-murid B40 ini membaca dan menulis dengan baik. Kepimpinan berterusan dalam konteks PdP untuk murid-murid B40 ini adalah dengan cara:

1. Guru Bahasa Melayu mengajar menggunakan Bahasa Melayu yang tidak standard standard.

2. Guru Bahasa Melayu berasa tidak yakin dapat membantu murid B40 dapat membaca dan menulis.
3. Berbincang dengan guru kelas dan guru mata pelajaran lain tentang murid B40.
4. Memberi tahu ibu bapa tentang sikap dan prestasi pelajaran anak mereka.
5. Tidak melaksanakan kelas intervensi untuk murid B40 yang menghadapi masalah membaca dan menulis.
6. Bersetuju bahawa peranan ibu bapa sangat penting dalam membantu anak mereka/murid B40 boleh membaca dan menulis.

Cara Guru Bahasa Melayu Menggalakkan Penggunaan Bahasa dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Pelbagai cara dan kaedah digunakan oleh PKG Bahasa Melayu dalam memberi galakkan kepada murid-murid B40 yang tidak tahu dan kurang lancar membaca dan menulis. Sebagai guru Bahasa Melayu yang berpengalaman, kesemua empat PKG yang mengajar murid-murid B40 yang menghadapi masalah membaca dan menulis sentiasa menggalakkan murid-murid B40 mereka itu menggunakan Bahasa Melayu dengan betul. Antara galakkan yang PKG Bahasa Melayu gunakan adalah dengan:

1. Menyediakan bahan bacaan yang mudah untuk dibaca melalui program NILAM.
2. Membelikan buku dan alat tulis untuk menimbulkan semangat murid B40 membaca dan menulis.
3. Mendorong murid B40 dengan kasih sayang/tidak marah-marah ketika mengajar.
4. Menggalakkan murid bukan Melayu bertutur menggunakan Bahasa Melayu yang betul.
5. Akan menegur murid B40 cara bertutur Bahasa Melayu yang betul.
6. Memberikan penghargaan dan ganjaran kepada murid B40 yang ada peningkatan dalam kemahiran membaca dan menulis.

Kesemua enam galakkan yang digunakan oleh PKG Bahasa Melayu ditemui ketika menemu bual PKG03 dan PKG04.

Di dalam kelas Bahasa Melayu, semasa PdP, adakah cikgu menggalakkan murid-murid yang bermasalah membaca menulis ini menggunakan Bahasa Melayu?

*Sebagai guru Bahasa Melayu, saya akan menggalakkan murid-murid bukan Melayu ini, murid Cina dan murid India menggunakan Bahasa Melayu. Ketika mereka bertutur, saya akan tegur cara mereka bertutur dan cuba betulkan setakat yang saya mampu. **Bagaimakah respon murid dalam hal ini?** Murid Melayu tidak ada masalah. Mereka boleh bertutur guna Bahasa Melayu dengan baik. Murid Cina baik lelaki ataupun perempuan sama sahaja. Sukar untuk buka mulut untuk bercakap atau buka mulut. Tetapi saya akan paksa mereka cuba bertutur dalam Bahasa Melayu. Murid India lebih sporting, mereka beri kerjasama. Cara bertutur Bahasa Melayu mereka jauh lebih baik berbanding murid Cina. (PKG03/TB/Baris 171-181)*

*Semasa PdP, adakah cikgu menggalakkan murid yang bermasalah membaca dan menulis ini menggunakan Bahasa Melayu? Sudah pasti. Terutamanya untuk mata pelajaran Bahasa Melayu. Guru-guru akan menggunakan Bahasa Melayu sepenuhnya. Murid yang lemah penguasaan bahasa pun akan berkomunikasi dalam Bahasa Melayu. **Bagaimana respon murid ini?** Seperti yang saya katakan pada awal perbincangan kita tadi, ada murid yang tidak faham Bahasa Melayu terutamanya dalam kalangan murid Cina dan India. Bagi murid Melayu pula mereka tiada masalah. Cuma bagi sesetengah perkataan atau frasa cikgu terpaksa menerangkan dengan lebih mendalam lagi. Cikgu juga terpaksa menggunakan laras bahasa yang mudah untuk murid fahami. Ada juga murid akan bertanyakan kepada kawan-kawan mereka makna perkataan atau ayat tertentu yang mereka tidak faham. Kalau bagi subjek lain, seperti mata pelajaran Sains umpamanya, cikgu terpaksa menggunakan bahasa Inggeris bagi istilah tertentu supaya murid boleh faham makna perkataan tersebut. (PKG04/TB/Baris 137-151)*

Walaupun PKG Bahasa Melayu ini memberi galakkan berbentuk motivasi dan ganjaran seperti: (i) memberi bintang, (ii) memberikan makanan (iii) memberi duit, dan (iv) mengucapkan tahniah, tetapi pencapaian murid-murid B40 dalam Ujian Pemahaman dan Ujian Bertulis masih kurang memuaskan. Pencapaian mereka sangat lemah di mana markah yang diperoleh untuk Ujian Pemahaman dan Ujian Bertulis di bawah lingkungan 20 hingga 30 markah. Murid B40 kaum Cina paling lemah dalam Ujian Pemahaman dan Ujian Bertulis di mana kebanyakan mereka memperoleh marklah di bawah 10 markah berbanding murid B40 kaum India dan Melayu. Hal ini ditegaskan oleh PKG01 dan PKG03 seperti berikut:

***Bagaimakah pencapaian markah ujian/pentaksiran yang telah dilaksanakan pada baru-baru ini?** Pencapaian murid pada ujian baru-baru ini ialah sekitar 20 hingga 0. Semua murid-murid ini tidak lulus, murid tidak hantar kertas kosong, murid tidak jawab tetapi mereka salin sahaja soalan. (PKG01/TB/Baris 69-72)*

***Bagaimakah keputusan ujian atau peperiksaan yang murid ini ambil? Adakah mereka semua lulus?** Susah tuan. Kebanyakan mereka tidak boleh membaca. Mereka tidak tahu membaca Bahasa Melayu. Jika tahu baca pun, ada yang tidak faham apa yang dibaca tersebut. Sebab itu, kebanyakan ujian, tidak mencapai peratus. Hendak mencapai 35 peratus lulus pun susah. Khususnya murid Cina, tidak semua, kebanyakan markah mereka bawah 10 markah. Sebab apa, sebab tidak tahu membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu. (PKG03/TB/Baris 190-195)*

Bagi memastikan murid-murid B40 ini dapat membaca atau menulis dengan baik semasa proses pengajaran dan pembelajaran, PKG Bahasa Melayu menggunakan pelbagai aktiviti yang menyeronokkan dan melibatkan semua murid B40 yang tidak membaca dan menulis. Antara aktiviti yang PKG Bahasa Melayu buat di dalam kelas ialah:

1. Membuat aktiviti berkumpulan. Tujuannya supaya semua murid B40 terlibat aktif dalam aktiviti yang melibatkan kemahiran membaca dan menulis.
2. Mengadakan aktiviti yang mudah seperti mengisi tempat kosong.
3. Meminta murid menyalin dan meniru jawapan guru tulis di papan hitam.
4. Membuat banyak latih tubi.
5. Banyak menggunakan aplikasi digital atau teknologi ketika mengajar.
6. Membuat aktiviti bercerita, permainan bahasa, susun kad-kad huurf dan menggunakan gambar untuk membantu murid B40 membaca dan menulis.
7. Menggunakan teknik didik hibur dalam melibatkan murid dalam setiap aktiviti yang dijalankan.
8. Menggunakan Modul Bacaan dan Modul Menulis untuk membantu murid B40 membaca dan menulis dengan baik.

Kesemua aktiviti ini ditemui ketika menemu bual PKG02, PKG03 dan PKG04. Mereka berkata:

Bagaimakah bentuk latihan yang kebanyakannya murid ini gemar? Kebanyakannya mereka gemar latihan berbentuk objektif sebab mereka tidak perlu menulis banyak dan hanya baca soalan sahaja. Sekiranya mereka tidak tahu jawapan mereka masih boleh tanda jawapan yang mereka suka. Sekiranya soalan karangan dan pemahaman bagi murid yang masih menjawab tetapi tidak tahu jawapan mereka akan salin soalan tetapi bagi yang tidak mahu menjawab mereka akan biarkan kosong sahaja. Bagi soalan ulasan atau ringkasan kebanyakannya mereka menjawab sebab mereka boleh menyalin petikan mengikut bahagian begitu juga dengan karangan bahan rangsangan, murid-murid ini akan menjawab dengan menyalin rangkai kata yang diberi. (PKG02/TBM/Baris 123-133)

Apakah aktiviti yang dijalankan semasa PdPc dapat membantu murid-murid masalah membaca dan menulis ini? Murid-murid menengah rendah seperti kelas yang saya mengajar ini suka kelas berbentuk bermain. Didik Hibur. Mereka tidak suka guru asyik mengajar saja. Mereka suka guru yang mengajar sambil bermain-main. Mereka akan suka. Aktif dan ambil bahagian. Sebagai contoh, semasa saya mengajar, saya akan menggunakan teknik bercerita. Teknik bercerita sebahagian daripada kaedah Didik Hibur. Saya akan kaitkan cerita tersebut dengan kehidupan murid itu sendiri. Dari segi pengalaman mereka. Selain itu, saya menggunakan kaedah permainan bahasa. Misalnya saya buat aktiviti susun kat-kad huruf untuk membina perkataan. Saya buat aktiviti berkumpulan. Murid-murid seronok buat aktiviti susun kad-kad huruf tersebut dalam kumpulan. Aktiviti ketiga yang selalu saya buat adalah menggunakan gambar. Saya ambil gambar yang dekat dengan diri murid seperti rumah, kereta, motorsikal, kucing, anjing dan lain-lain. Kemudian saya akan minta murid-murid secara sukarela bertutur berdasarkan gambar tersebut. Ramai murid boleh buat. Walaupun tidak tersusun, kurang gramatis ayat dituturkan, murid Melayu, Cina dan India yang tidak tahu membaca dan menulis ini boleh bertutur dengan baik menggunakan ayat mudah. Tetapi apabila saya minta mereka menulis apa yang dituturkan dalam buku latihan, mereka tak boleh buat. Jika buat pun, entah apa-apa yang mereka tulis. (PKG03/TB/Baris 203-213)

Tuntasnya, guru-guru Bahasa Melayu yang menjadi Peserta Kajian menggunakan pelbagai strategi, pendekatan, kaedah dan teknik untuk membantu murid-murid B40 ini menguasai kemahiran membaca dan menulis. Pelbagai bentuk

galakkan yang digunakan oleh guru Bahasa Melayu untuk memastikan murid-murid B40 kaum Melayu, Cina dan India boleh membaca dan menulis dengan baik, antaranya seperti berikut:

1. Memberi galakkan kepada murid untuk menyertai aktiviti membaca dan menulis.
2. Memastikan hasil kerja murid dapat dihasilkan oleh murid dengan cepat.
3. Menyediakan aktiviti membaca dan menulis yang sesuai dengan tahap penguasaan murid.
4. Memberikan ganjaran dan penghargaan kepada murid B40 melalui hasil kerja yang murid buat.
5. Menggunakan pelbagai kaedah, pendekatan, teknik dan strategi untuk membantu murid B40 dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis dengan mudah.

PERBINCANGAN

Dalam kajian, keempat-empat orang guru Bahasa Melayu yang mengajar murid-murid B40 yang tidak tahu atau kurang lancara membaca dan menulis merupakan guru Bahasa Melayu yang berpengalaman mengajar Bahasa Melayu. Paling lama mengajar ialah guru PKG03 selama 25 tahun, 23 tahun oleh PKG01, 20 tahun oleh PKG02 dan 11 tahun oleh PKG04. Berdasarkan tempoh pengalaman mengajar ini, kesemua guru Bahasa Melayu menyatakan bahawa masalah membaca dan menulis murid-murid B40 adalah berbeza mengikut kaum. Murid B40 kaum Cina lebih bermasalah dalam penguasaan kemahiran membaca dan menulis, diikuti murid B40 kaum India dan Melayu. Berdasarkan dapatan kajian ini menjelaskan bahawa masalah membaca dan menulis murid B40 kebanyakannya berlaku kepada murid bukan Melayu. Oleh kerana murid-murid bukan Melayu belajar Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua (mungkin bahasa ketiga), sudah tentu sukar bagi mereka untuk menguasai Bahasa Melayu dengan baik. Menurut Zamri (2020), murid-murid bukan Melayu lemah dalam penguasaan Bahasa Melayu kerana mereka tidak menganggap mata pelajaran ini penting untuk dikuasai. Namun demikian, kajian Abdul Rasid dan Nurfatim (2018) menunjukkan dapatan sebaliknya. Murid Cina dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis jika guru Bahasa Melayu menggunakan pelbagai kaedah pengajaran yang menarik minat mereka belajar Bahasa

Melayu. Dengan kata lain, masalah tidak dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis murid-murid B40, terutamanya murid B40 kaum Cina adalah disebabkan oleh faktor sikap mereka terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Faktor sikap merupakan faktor utama menjadi punca masalah membaca dan menulis dalam kalangan murid B40 pelbagai kaum ini.

Selain faktor sikap, faktor persekitaran sekolah juga banyak membantu murid-murid B40 dapat membaca dan menulis. Namun demikian, guru-guru Bahasa Melayu menyatakan faktor sikap murid B40 ini telah menyebabkan mereka masih tidak tahu atau kurang lancar dan fasih membaca dan menulis. Pelbagai usaha dilakukan oleh pihak sekolah dalam mewujudkan persekitaran membaca dan menulis di sekolah, tetapi murid-murid B40 kaum Melayu, Cina dan India ini masih tidak boleh membaca dan menulis dengan baik. Antara usaha yang dilakukan oleh pihak sekolah dalam mewujudkan persekitaran bahasa di sekolah seperti mengadakan pelbagai program Bahasa Melayu di sekolah, menyediakan pelbagai kemudahan pembelajaran Bahasa Melayu bagi memastikan aktiviti membaca dan menulis dapat dilaksanakan dan sebagainya. Kajian Mohamad Johdi et al. (2012) mengesahkan bahawa faktor persekitaran turut memberi kesan kepada pembelajaran murid-murid miskin dan tinggal di luar bandar. Buarque et al. (2006) juga menyatakan bahawa faktor persekitaran memberi kesan kepada pembelajaran dan pencapaian murid-murid miskin. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati ibu bapa murid B40 tidak kira kaum Melayu, Cina dan India tidak mampu menyediakan persekitaran pembelajaran Bahasa Melayu untuk anak-anak mereka. Selain faktor kewangan dan ekonomi, ibu bapa murid B40 ini tidak mempunyai kesedaran akan kepentingan pelajaran anak-anak mereka. Sebab itulah, ramai ibu bapa murid B40 yang ditemui bual menyatakan bahawa mereka menyerahkan kepada pihak sekolah untuk mendidik anak-anak mereka boleh membaca dan menulis Bahasa Melayu dengan baik.

Guru Bahasa Melayu sebagai pemimpin yang secara berterusan dapat membantu masalah membaca dan menulis yang dihadapi oleh murid-murid B40 ini. Guru Bahasa Melayu perlu yakin bahawa mereka dapat membantu murid-murid B40 ini membaca dan menulis dengan baik, antara

seperti mengajar menggunakan Bahasa Melayu yang tidak standard, iaitu mencampur aduk Bahasa Melayu standard dengan Bahasa Melayu basahan. Namun demikian, melalui kajian didapati guru-guru Bahasa Melayu tidak berasa yakin dapat membantu murid-murid B40 ini menguasai kemahiran membaca dan menulis. Hal ini berlaku kerana tahap penguasaan membaca dan menulis mereka sangat terhad dan terhad (sangat lemah dan lemah). Murid-murid B40 kaum Cina dan India khususnya agar sukar untuk dibantu kerana asas Bahasa Melayu di sekolah rendah sangat lemah. Kebanyakan mereka belajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil. Situasi bertambah buruk apabila memasuki sekolah menengah di mana mereka tidak boleh membaca dan menulis dengan baik. Kajian yang dijalankan oleh Noor Hidayu dan Yahya (2016) mendapati murid-murid Cina amat lemah dalam kemahiran menulis. Penulisan banyak dipengaruhi oleh pengaruh bahasa ibunda mereka, iaitu Bahasa Mandarin sehingga gagal menghasilkan penulisan karangan yang baik.

Bagi mengatasi masalah membaca ini, kajian mendapati guru-guru Bahasa Melayu menggunakan pelbagai strategi, pendekatan, kaedah dan teknik untuk membantu murid-murid B40 kaum Melayu, Cina dan India ini menguasai kemahiran membaca dan menulis. Kajian yang dijalankan oleh Abu Fuad dan Izani (2011) dan Abdul Rasid et al. (2012) mencadangkan TMK dan multimedia interaktif sebagai kaedah yang dapat membantu murid menguasai kemahiran membaca. Abdul Rasid dan Nurfatim (2018) mencadangkan teknik KWLH digunakan oleh guru Bahasa Melayu bagi membantu murid-murid menguasai kemahiran membaca dan sebagainya. Bagi kemahiran menulis pula, kajian Che Zanariah dan Fadzilah (2011) mencadangkan kaedah mengajar kemahiran menulis daripada mudah ke sukar. Yahya dan DK. Suzanawaty (2014) mencadangkan kaedah pembelajaran berdasarkan projek dapat membantu murid yang lemah dalam kemahiran menulis. Nur Azimah dan Zamri (2015), Saemah dan Zamri (2016) serta Zamri (2019) mencadangkan guru Bahasa Melayu menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran. Sementara Alizah dan Zamri (2018) mencadangkan kaedah pembelajaran berpusatkan murid dalam mengajar Bahasa Melayu. Dengan kata lain, terdapat

pelbagai kaedah, pendekatan, teknik dan strategi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu (Zamri 2014) yang boleh digunakan oleh guru untuk mengajar murid-murid yang belajar Bahasa Melayu sebagai bahasa pertama, bahasa kedua ataupun bahasa asing. Malahan, guru-guru Boleh Menggunakan boleh menggunakan pelbagai aplikasi interaktif seperti kelas berbalik (flipped classroom), virtual learning classroom (VLE Frog), google classroom, google meets, kahoot, dan sebagainya sebagai satu kaedah untuk membantu murid-murid yang lemah dan tidak tahu membaca dan menulis untuk belajar Bahasa Melayu.

Selain itu, kajian ini juga mendapati pelbagai bentuk galakan yang digunakan oleh guru Bahasa Melayu untuk memastikan murid-murid B40 kaum Melayu, Cina dan India boleh membaca dan menulis dengan baik, antaranya seperti berikut:

1. Memberi galakkan kepada murid B40 untuk menyertai aktiviti membaca dan menulis.
2. Memastikan hasil kerja murid B40 dapat dihasilkan dengan cepat.
3. Menyediakan aktiviti membaca dan menulis yang sesuai dengan tahap penguasaan dan kognitif murid B40.
4. Memberikan ganjaran dan penghargaan kepada murid B40 melalui hasil kerja yang murid buat.
5. Menggunakan pelbagai kaedah, pendekatan, teknik dan strategi untuk membantu murid B40 dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis dengan mudah.
6. Berbincang dengan guru kelas dan guru mata pelajaran lain tentang murid B40 yang menghadapi masalah membaca dan menulis.
7. Memberi tahu ibu bapa murid B40 tentang sikap dan prestasi pelajaran anak mereka.

Pelbagai galakan yang dicadangkan oleh guru Bahasa Melayu ini menyamai dan selari dengan kenyataan Zamri (2014, 2015) bahawa faktor guru adalah antara faktor penentu kepada kejayaan murid dalam menguasai Bahasa Melayu. Antara dapatan utama Tamam et al. (2011) ialah kaedah pengajaran guru yang menarik, efektif dan menyeronokkan banyak membantu murid-murid menguasai kemahiran membaca dengan baik. Kajian Yahya dan Dk. Suzanawaty (2014) pula menyatakan guru Bahasa Melayu yang menggunakan kaedah pembelajaran berpusatkan

projek dapat membantu murid menguasai kemahiran menulis. Dengan kata lain, faktor guru turut memberi kesan kepada tahap penguasaan membaca dan menulis dalam kalangan murid B40 yang dikaji.

Kesimpulannya, dari perspektif guru Bahasa Melayu, masalah membaca dan menulis dalam kalangan murid B40 kaum Melayu, Cina dan India ini perlu ditangani dengan segera. Mengajar murid-murid B40 ini memerlukan kesabaran dan perhatian oleh guru Bahasa Melayu. Ibu bapa juga perlu bersama dengan guru Bahasa Melayu dan pihak sekolah untuk membantu anak-anak mereka dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis dengan baik dan lancar.

KESIMPULAN

Kemahiran membaca ialah kemahiran asas yang perlu dikuasai murid sebelum menguasai kemahiran menulis. Murid-murid yang tidak menguasai kemahiran membaca akan mengalami kesukaran untuk memahami apa yang dibaca. Kesannya, murid tak tahu atau tidak dapat menulis dengan baik. Malahan, sesetengah daripada mereka tidak tahu apa yang dibaca dan ditulis. Kemahiran menulis merupakan gabungan berbagai-bagai kecekapan berbahasa bagi membina wacana atau teks tulisan yang berasaskan peraturan-peraturan tertentu. Justeru, murid seharusnya mahir dalam kemahiran ini kerana ia melibatkan banyak aktiviti sehari-hari dalam kehidupan. Guru pula memainkan peranan yang besar dalam memastikan murid boleh menguasai kemahiran ini.

Murid daripada keluarga B40 ialah murid-murid yang selalunya berpencapaian rendah, tinggal di luar bandar atau pinggi bandar, ramai adik-beradik, ibu bapa tidak berpendidikan dan bekerja buruh, tinggal di rumah yang kecil atau rumah murah dan sebagainya (Mohd Nazri 2014). Kesimpulannya, kemahiran membaca dan menulis merupakan dua kemahiran bahasa yang masih sukar dikuasai oleh murid keluarga B40. Oleh itu, kajian ini untuk mengetahui dan mengenal pasti akan hipotesis ini dengan menjalankan kajian temu bual dengan guru, murid dan ibu bapa akan masalah membaca dan menulis.

PENGHARGAAN

Terima kasih kepada Fakulti Pendidikan, UKM yang memberikan *Dana Penyelidikan Fpend* dengan kod penyelidikan: *GG-2020-083* sehingga artikel ini berjaya diterbitkan.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Zuria Mahmud & Safani Bari. (2005). Permasalahan pelajar-pelajar fakir miskin di daerah Sabak Bernam. *Jurnal Pendidikan*, 30: 21-33.
- Abdul Rasid Jamian & Nurfatih Nabihah Baharom. (2018). Kesan penggunaan teknik KWLH dalam kemahiran membaca kalangan murid sekolah jenis kebangsaan Cina. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8 (2): 48-56.
- Abdul Rasid Jamian & Zulkafli Abu Zarin. (2008). Keupayaan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid sekolah rendah kebangsaan luar bandar. Konvensyen Pendidikan Nasional 2008. Anjuran Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2 - 4 Jun 2008.
- Abdul Rasid Jamian, Norhashimah Hashim & Shamsudin Othman. (2012). Multimedia interaktif mempertingkatkan pembelajaran kemahiran membaca murid-murid Probim. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2 (2): 46-53.
- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1): 1-12.
- Abdul Rasid Jamian. (2012). Multimedia interaktif mempertingkatkan kemahiran membaca murid-murid PROBIM. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2 (2): 46-53.
- Abul Fuad Mohamed Salim & Izani Hj Daud. (2010). Keberkesanan aplikasi TMK dalam meningkatkan penguasaan kemahiran membaca murid : Satu kajian kes. *Jurnal Bahasa* 10(2): 223-241.
- Alizah Lambri & Zamri Mahamod. (2018). *Pembelajaran Berpusatkan Pelajar*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ary. D., Jacobs, L.C., Sorenson, C. & Razavieh, A. (2006). *Introduction to Research in Education*. Belmont: Wadsworth.
- Buarque, C., Spolar, m. & Zhang, T. (2006). Education and poverty reduction. *Review of Education*, 52: 219-229.
- Celinea anak Lasan & Zamri Mahamod. (2018). *Amalan Membaca Timbal Balik Murid Etnik Bidayuh*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Celinea anak Lasan. (2018). Amalan pembelajaran reciprocal (timbal balik) dalam kemahiran membaca Bahasa Melayu dalam kalangan murid peribumi Bidayuh. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Che Zanariah Che Hassan & Fadzilah Abd Rahman. (2011). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1): 67-87.
- Chew Fong Peng. (2016). Masalah pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6 (2): 10-22.
- Creswell, J.W. (2003). *Research Design: Qualitative and Quantitative Approaches*. Thousand Oaks, CA: SAGE Publications.
- Creswell, J.W. (2008). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. 2nd Edition. New Jersey: Pearson Education.
- Heilbronn, R. (2004). Using research and evidence to inform your teaching. Dlm. Capel, S., Helibronn, R., Leask, M & Turner, T. (Eds.). *Starting to Teach in the Secondary School*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2017). *Pendapatan Garis Kemiskinan*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Kamaruddin Husin. (1996). *Sekolah dan Perkembangan Kanak-Kanak Sekolah*. Kuala Lumpur: Lohprint Sdn Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016a). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016b). *Kajian Murid Lemah Pencapaian Akademik*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran: Darjah 1 hingga 6*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- M.Al Muz-Zammil Yasin & Moong Sow Kuan. (2010). Peranan ibu bapa dalam Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Kulai. Dlm. Nurhuda Abdullah. (Pnyt.). Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Marshall, C. & Rosmann, G.B. (2006). *Designing Qualitative Research. 4th Edition*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Merriam, S.B. (2001). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education: Revised and Expanded from Case Study Research in Education*. San Francisco: Josey-Bass Publisher.
- Mohamad Johdi Salleh, Masliza Kamin, Loven, L.L., Henry, J.F., & Moini Rubin. (2012). Kajian terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam Penilaian Menengah Rendah di Sabah. International Conference on Educational Research, 5-7 Julai, Labuan.
- Mohd Fahmi Mohd Sahid & Mohamed Sharif Mustaffa & Roslee Ahmad. (2008). Penglibatan ibu bapa dalam membantu membuat kerja rumah (matematik) di kalangan pelajar tingkatan dua: Satu tinjauan di sebuah sekolah menengah di daerah Muar. Seminar Kebangsaan Pendidikan Sains dan Matematik pada 11-12 Oktober 2008. Anjuran Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Fuad Abd. Rahman. (2018). Aplikasi, sikap dan masalah guru dan murid di SJK Tamil terhadap pembelajaran dan pemudacaraan Bahasa Melayu berkonsepkan *flipped classroom*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Nazri Abdul Rahman. (2014). Pembangunan model home schooling berasaskan nilai dan amalan masyarakat bagi kanak-kanak Orang Asli. Tesis Dr. Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Noor Hidayu Abdul Rahim & Yahya Othman. (2016). Keberkesanan peta bulatan dan peta alir dalam meningkatkan penguasaan kemahiran menulis karangan naratif murid-murid Cina. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6 (2): 68-77.
- Nor Azimah Mohd Yusoff & Zamri Mahamod. (2014). Keberkesanan pendekatan didik hibur terhadap pencapaian kemahiran membaca Bahasa Melayu dalam kalangan murid lemah. *Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu dan Kesusastraan Melayu*, kali ke-3, 381-390. Ho Chi Minh: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hamizah Abd. Rahman. (2016). Faktor demografi dan sosioekonomi kumpulan B40 dalam pemilikan takaful keluarga/insuran hayat. *Proceeding of the 2nd International Conference on Economics and Banking 2016* (2ndICEB) pada 24-25 Mei.
- Nurul Sakinah Mohd Adnan. (2018). Masalah dan faktor kemahiran membaca dalam kalangan murid pemulihian khas. Kertas Projek Sarjana Pendidikanakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rak, C.F. & Patterson, L.E. (1996). Promoting resilience in at-risk families. *Journal of Counseling Development*, 74 (4): 368-373.
- Raty, H. (2006). What comes after compulsory education? A follow-up study on parental expectation of their child's future education. *Educational Studies*, 32 (1): 1-16
- Rumelhart, D. (1985). Toward an interactive model of reading. In. H. Singer & R.B. Ruddell. *Theoretical Models and the Processes of Reading. 3rd Edition*. Newark, DE: International Reading Association.
- Saemah Rahman & Zamri Mahamod. (2016). *Kreativiti dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. (Pnyt.) Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid & Narimah Samat. (2018). Kemiskinan keluarga dan pengaruhnya terhadap tahap pendidikan rendah masyarakat luar bandar: Kajian kes di Jajahan Bachok, Kelantan. *e-Bangi: Journal of Social Sceinese and Humanities*, 13 (2): 11-23.
- Suresh Kumar A/L Vellymalay. (2011). Penglibatan ibu bapa India dalam pendidikan anak-anak: Satu kajian perbandingan di

- Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan sekolah kebangsaan di daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan. Tesis Doktor Falsafah. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.
- Tamam Timbang, Zamri Mahamod & Afendi Hamat. (2011). Faktor dan kesan masalah membaca dalam kalangan murid sekolah rendah kerajaan di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1): 89-107.
- Tudge, J.R.H., Doucet, F., Odero, D., Sperber, T.M., Piccinini, C.A. & Lpoes, R.S. (2006). A window in different cultural worlds: Young children's everyday activities in the United States, Brazil and Kenya. *Child Development*, 77 (5): 1446-1469.
- Usang anak Ngrambang (2012). Implikasi kepimpinan pengajaran pengetua, kepuasan kerja dan pengajaran berkesan guru terhadap prestasi peperiksaan pelajar sekolah menengah luar bandar di Sarawak. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaysia Sabah.
- Yahya Othman & Dk. Suzanawaty Pg. Osman. (2014). Keupayaan menguasai kemahiran menulis pembelajaran berasaskan Projek Nilam dalam penulisan berbentuk risalah di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4 (1): 19-29.
- Yin, R.K. (1994). *Case Study Research: Design and Methods*. 2nd Edition. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Yin, R.K. (2012). *Applications of Case Study Research*. 3rd Edition. Thousand Oaks, California: Sage Publication.
- Zamri Mahamod. (2014). *Inovasi P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Cetakan Ketiga. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zamri Mahamod. (2015). *Strategi Pembelajaran: Inventori Cara Belajar Bahasa Melayu*. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zamri Mahamod. (2019). *Peta Pemikiran: Kreativiti Guru Merangsang Pemikiran Pelajar*. (Pnyt.) Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod. (2020). *Sosiolinguistik dan Pengajaran Bahasa*. Cetakan Keempat. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zarinah Arshat & Rozumah Baharuddin. (2011). Perkaitan antara faktor sosioekonomi dan kualiti tingkah laku keibubapaan dalam keluarga berisiko. *Jurnal Kemanusiaan*, 17 (Jun).
- Zarinah Arshat, Farah Syuhada Pai & Zanariah Ismail. (2018). Keluarga B40: Tekanan dan kekuatan. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 10 (1): 91-102.
- Zulkifli Abd. Hamid, Jamilah Othman, Aminah Ahmad & Ismi Arif Ismail. (2011). Hubungan antara penglibatan ibu bapa dan pencapaian akademik pelajar miskin di negeri Selangor. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3 (2): 31-40.
- Zuraidah Abdullah, Siti Nafsiah Ismail, Salwati Shafee, Mohd Shahril Nizam Shahrom & Muhammad Faizal A. Ghani. (2019). Pengaruh pembelajaran akademik anak-anak keluarga fakir miskin di sekolah-sekolah Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 6 (2): 44-70.